



SIARAN MEDIA

PERDANA MENTERI LANCAR PORTAL MYASSIST MSME, INISIATIF BANTU USAHAWAN SECARA DALAM TALIAN

Kuala Lumpur, 30 Jun 2021 –YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin Bin Haji Mohd Yassin, Perdana Menteri Malaysia hari ini melancarkan portal MyAssist MSME, yang merupakan satu daripada inisiatif kerajaan untuk memudahkan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) mendapatkan maklumat perniagaan, khidmat nasihat dan peluang pemasaran secara dalam talian ketika negara masih berdepan penularan pandemik COVID-19.

Kerajaan akan terus melaksanakan pelbagai inisiatif pendigitalan bagi memantapkan lagi usaha membantu PKS sekaligus mengukuhkan pemulihan ekonomi negara. Dalam usaha kita melonjakkan status ekonomi negara, ekonomi digital memainkan peranan utama dengan sasaran sebanyak 22.6% kepada KDNK negara pada tahun 2025.

Portal MyAssist MSME ini merangkumi empat komponen utama iaitu pusat maklumat PKS, khidmat nasihat, padanan perniagaan dan ekspo perniagaan. Komponen pertama iaitu sebagai pusat maklumat, mengumpul dan hebahan mengenai inisiatif dibawah Pakej Rangsangan yang diumumkan oleh kerajaan serta program pembangunan PKS. Ini akan memudahkan usahawan untuk mendapatkan informasi berkenaan semua program-program pembangunan PKS di bawah satu platform.

MeetMe adalah komponen khidmat nasihat yang membantu usahawan mendapatkan khidmat nasihat perniagaan dan perundingan, maklumat kemudahan kewangan, fasilitasi perdagangan dan penjenamaan serta sokongan teknologi secara dalam talian. PKS juga ditawarkan sesi padanan dengan secara dalam talian dengan syarikat

multinasional (MNC), syarikat berkaitan Kerajaan (GLC), pasaraya besar, syarikat-syarikat terkemuka dari dalam dan luar negara secara lebih mudah melalui modul MatchMe. Ekspo jualan secara dalam talian juga diwujudkan bagi mempromosikan produk dan perkhidmatan PKS di bawah modul ePameran.

Turut dirasmikan pada hari ini adalah Minggu PKS Peringkat Kebangsaan 2021. Bertemakan “Mula Berdikit, Azam Melangit”, penganjuran Minggu PKS ini adalah bagi menghargai sumbangan PKS sebagai tulang belakang ekonomi negara, untuk meningkatkan kesedaran dan mempromosikan produk dan perkhidmatan PKS tempatan, memupuk budaya keusahawanan dan juga sebagai platform untuk menyebarluaskan maklumat terkini kepada PKS. Minggu PKS Kebangsaan 2021 yang telah bermula pada 26 Jun yang lalu berlangsung sehingga 4 Julai 2021 secara dalam talian, sepenuhnya. Ekspo ini melibatkan hampir 500 pempamer daripada seluruh negara dengan sasaran nilai jualan hampir RM7 juta.

YB Dato Sri Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar dalam ucapan beliau berkata “Pelaksanaan Minggu PKS Kebangsaan 2021 ini dapat menyediakan peluang kepada PKS untuk memulakan perniagaan, membangunkan semula perniagaan yang terkesan akibat keadaan ekonomi dunia yang tidak menentu, meluaskan pasaran produk dan perkhidmatan mereka serta mendapatkan khidmat nasihat dan maklumat terkini mengenai program, aktiviti serta bantuan yang disediakan oleh kerajaan”.

Majlis pelancaran pada hari ini turut diikuti secara dalam talian oleh YB Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati Haji Samsudin, Timbalan Menteri MEDAC; YBhg. Dato' Suriani Dato' Ahmad, Ketua Setiausaha MEDAC; YBhg. Dato' Sri Syed Hussien Al Habshee, Pengerusi SME Corp. Malaysia; Encik Rizal Nainy, Ketua Pegawai Eksekutif SME Corp. Malaysia dan Ketua-ketua Agensi MEDAC.

-TAMAT-

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Encik Zumar Zainuddin di talian 03-2775 6059 atau emel – zumar@smecorp.gov.my.

PERBADANAN PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA MALAYSIA (SME CORP. MALAYSIA)

SME Corp. Malaysia
Level 6, SME 1, Block B
Platinum Sentral
Jalan Stesen Sentral 2
Kuala Lumpur Sentral
50470 Kuala Lumpur
Tel : 1300-30-6000
Fax : 603-2775 6001
E-mail : info@smecorp.gov.my
Website : www.smecorp.gov.my

SME Corp. Malaysia

SME Corp. Malaysia merupakan sebuah Agensi Penyelaras Pusat di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) yang menyelaras pelaksanaan Program Pembangunan PKS anjuran semua Kementerian dan agensi yang berkaitan. Ia bertindak sebagai pusat rujukan setempat bagi penyelidikan dan penyebaran data PKS serta menyediakan khidmat nasihat untuk PKS di Malaysia. SME Corp. Malaysia turut memainkan peranan sebagai Sekretariat kepada Mesyuarat Majlis Pembangunan Usahawan dan PKS Kebangsaan (MPUPK) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia.